

NO. SOALAN: 47

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : 1 APRIL 2014

RUJUKAN : 6698

SOALAN:

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan rasional filem *The Wolf Of Wall Street* diharamkan tayangannya di Malaysia sedangkan ia merupakan terbitan Riza Aziz, anak kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, yang menelan perbelanjaan kira-kira RM325 juta.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat ini belum ada keputusan sama ada untuk membenarkan filem “*The Wolf Of Wall Street*” ini ditayangkan di negara ini atau sebaliknya.

Filem “*The Wolf Of Wall Street*” telah dikemukakan kepada Lembaga Penapis Filem untuk proses tapisan pada 29 Januari 2014 dan masih lagi dalam pertimbangan Lembaga.